

Dr. M mahu ahli Keadilan nilai semula penyertaan

JUM 17 OCT 2011

KUALA LUMPUR 16 Okt. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu ahli-ahli Parti Keadilan Nasional (Keadilan) menilai semula penyertaan mereka dalam parti itu yang tidak mempunyai perjuangan bermakna serta mampu disumbangkan untuk rakyat Malaysia.

Tegas Perdana Menteri, peletakan jawatan beberapa pemimpin kanan Keadilan jelas menunjukkan parti itu tidak memiliki perjuangan politik jitu.

Sebaliknya, kata beliau, matlamat perjuangan Keadilan cuma mahu membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang menjalani hukuman penjara.

“Perjuangan Keadilan bukan untuk membangun dan memajukan negara atau menjadikan kehidupan rakyat lebih baik lagi.

“Mereka (ahli Keadilan) boleh berfikirilah dan meneliti sama ada diri (telah) teraniaya atau negara boleh diselamatkan daripada seorang yang pernah melakukan kes jenayah seperti yang telah ditentukan oleh mahkamah,” katanya ketika ditemui selepas melancarkan Amanah Saham Nasional 3 Imbang (ASN3) terbitan Permodalan Nasional Berhad (PNB) di sini hari ini.

Dr. Mahathir mengulas peletakan jawatan Naib Ketua Pemuda Keadilan, Hamdan Taha yang berkuat kuasa serta-merta.

Peletakan jawatan Hamdan itu dibuat seminggu selepas Dr. Chandra Muzaffar mengumumkan tidak akan mempertahankan jawatan Timbalan Presiden Keadilan pada pemilihan bulan depan.